



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	OVER 1,700 ANIMAL ABUSE CASES PROBED SINCE 2020, NATION, THE STAR – 9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	936 AYAM SABUNG BAKA FILIPINA DIRAMPAS, NASIONAL, SINAR HARIAN – 10	
3.	DAPAT RM13,000 SEBULAN JUAL KELAPA, NEGARA, KOSMO – 14	LAIN-LAIN
4.	RATUSAN IKAN MATI DI SUNGAI KETIL, NEGARA, KOSMO – 13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2025	THE STAR	NATION	9

Over 1,700 animal abuse cases probed since 2020

THE authorities have investigated 1,766 cases of animal abuse and neglect since 2020, with 52 resulting in convictions, says Datuk Arthur Joseph Kurup.

The Deputy Agriculture and Food Security Minister said the Veterinary Services Department (DVS) had implemented a 10-year national strategy to address rising concerns over animal cruelty.

"To address such cases, the DVS has developed the National Animal Welfare Strategic Plan 2021-2030 – a long-term framework to ensure animal management in Malaysia meets welfare standards and promotes a caring, compassionate society," he said.

The deputy minister was responding to a question on whether the government would introduce a national framework to tackle abuse of stray animals and collaborate with non-governmental organisations, local councils and experts on the issue.

Kurup said ongoing initiatives include engagement programmes with local authorities to manage stray populations and animal cruelty complaints through the MyAnimal Welfare System.

Media campaigns are also being conducted to raise awareness, he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

936 ayam sabung baka Filipina dirampas

KUALA LUMPUR - Polis merampas 936 ekor ayam sabung baka dari Filipina dan menahan tiga individu termasuk dua warga asing di Papar Sabah pada Jumaat.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, serbuan itu dilakukan selepas Biro Kawalan Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) JKDNKA mendapat maklumat mengenai aktiviti penyimpanan baka ayam sabung dari Filipina tanpa lesen sah di kawasan berkenaan.

"Serbuan pada jam 10.35 pagi dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Cawangan Kota Kinabalu itu turut merampas 30 sangkar besi, 107 besi tagging ayam dan pelbagai jenis vitamin dan ubat-ubatan



Antara ayam sabung dari Filipina yang dirampas.

bagi kegunaan ayam berkenaan. Rampasan dianggarkan bernilai RM4,684,825.20," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Azmi berkata, serbuan itu bagi mengekang aktiviti pemeliharaan ayam sabung dari negara jiran tanpa lesen sah serta membanteras sebarang kegiatan perjudian sabung ayam di negeri berkenaan.

"Individu yang ditahan melibatkan seorang lelaki tempatan dan masing-masing seorang lelaki warga Indonesia dan Filipina



Serbuan polis turut merampas 30 sangkar besi, 107 besi tagging dan pelbagai jenis vitamin dan ubat-ubatan bagi kegunaan ayam sabung.

berusia 38 hingga 59 tahun.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) Enakmen Haiwan 2015 kerana dipercayai mengimport haiwan tanpa lesen," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2025	KOSMO	NEGARA	14

Dapat RM13,000 sebulan jual kelapa

- Hasilkan produk termasuk 'coconut shake', jeli, santan
- Sedia bimbing mana-mana pihak yang minat bertani

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

BENTONG – Dengan menanam 500 pokok kelapa jenis Sungai Gulang-Gulang (SGG), seorang usahawan dari Kampung Lebu di sini meraih pendapatan bulanan sehingga RM13,000 dengan menjual kelapa dan produk berasaskan kelapa segar termasuk 'coconut shake'.

Abu Hassan Abdulah, 48, yang juga ahli Persatuan Usahawan Kelapa Malaysia berkata, dia mula menanam kelapa sejak 2018 selepas melihat potensi tanaman tersebut yang kurang diberikan perhatian berbanding sawit.

"Pada awalnya memang susah, benih mahal, pagar pun perlu dibina, tetapi selepas tiga tahun tanaman itu mula berbuah dan saya nekad menjual sendiri tanpa guna orang tengah.

"Sekarang saya menjual lebih 7,800 biji kelapa seminggu, hasilnya memang lumayan," katanya ketika ditemui di Restoran Lepak King di sini semalam.

Selain kelapa segar berharga RM2.50 sebiji, Abu Hassan turut menghasilkan pelbagai produk lain seperti 'coconut shake', jeli, air kelapa dan santan.

Katanya, kelapa tua turut dijual kepada pasar dan peniaga kecil untuk diproses menjadi santan, manakala benihnya dijual kepada individu yang mahu memulakan penanaman.

"Permintaan kelapa sangat tinggi terutama pada cuti umum. Kalau saya bawa 500 biji kelapa



ABU HASSAN menunjukkan tanaman kelapa yang diusahakan di Bentong.

ke pasar, sekejap sahaja laku. Itu belum musim perayaan lagi," katanya.

Abu Hassan turut berkongsi teknik unik yang dipelajarinya iaitu menanam kelapa pandan bersama kelapa SGG bagi menghasilkan air yang beraroma wangi secara semula jadi.

Jelasnya, kelapa SGG sesuai ditanam untuk jualan kerana saiz buahnya besar, isinya banyak dan airnya pula manis selain sesuai dijadikan bahan asas 'coconut shake'.

Lelaki itu menekankan kepentingan penggunaan garam kasar yang ditabur atas pucuk sebagai baja semula jadi yang wajib ditabur setiap tiga bulan bagi menghalau serangan kumbang.

Abu Hassan menambah, dia bersedia menjadi pembekal kelapa kepada pengusaha 'coconut shake' dan membantu mana-mana individu yang berminat dalam aktiviti menanam kelapa termasuklah menjual benih dan berkongsi ilmu.

Ratusan ikan mati di Sungai Ketil

- Tercemar kali kedua, sejak tiga hari lalu
- Punca sisa buangan kilang kayu, kelapa sawit

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Sungai Ketil di sini sekali lagi tercemar dipercayai akibat sisa buangan kayu dan kelapa sawit sehingga menyebabkan ratusan ikan mati sejak tiga hari lalu.

Penduduk di Taman Wangi di sini mendakwa mereka terkejut apabila melihat banyak ikan spesies kelah, baung dan lampam terapung di permukaan Sungai Ketil dekat Taman Rekreasi Rimba Wangi.

Seorang penduduk, Mat Hussin Daud, 68, mendakwa, dia melihat ikan-ikan tersebut seperti kekurangan oksigen dalam kejadian kira-kira pukul 8.30 pagi pada Sabtu lalu.

Dakwanya, warna sungai juga bertukar keruh dan berbau busuk dipercayai akibat sisa buangan yang mengalir ke dalam sungai berkenaan.

"Saya bersama isteri mengutip ikan yang terapung di permukaan air menggunakan baldi. Kami dapat kira-kira lapan kilogram (kg) ikan baung dan dua ekor ikan kelah seberat lebih 4kg.

"Kami berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan lebih tegas bagi membendung pencemaran Sungai Ketil. Kejadian pencemaran itu bukan kali



ATAS: Penguat kuasa JAS mengambil sampel Sungai Ketil untuk tindakan lanjut.

KIRI: Ikan lampam yang dipercayai mati akibat pembuangan sisa kilang di Sungai Ketil dekat Taman Wangi, Gua Musang.

pertama berlaku apabila banyak ikan sungai mati," dakwanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd. Azizi Abu Naim berkata, masalah pencemaran dikesan sudah banyak kali berlaku terutamanya pada

hujung minggu atau cuti umum sejak 2021.

Katanya, kebanyakan penduduk bimbang dengan kualiti air Sungai Ketil yang menjadi sumber utama bagi penduduk yang tinggal di sekitar Bandar Gua Musang.

"Sungai Ketil turut menjadi lokasi tumpuan rekreasi orang ramai apabila aktiviti tubing diadakan dan disertai pelancong luar negara.

"Kita mahu pihak berkuasa terutamanya JAS menyiasat punca kejadian kerana tidak mahu Sungai Ketil terus tercemar dan memberi kesan jangka panjang termasuk kes keracunan kepada rakyat," katanya selepas meninjau lokasi pencemaran bersama Ketua Jajahan Gua Musang, Mohd. Roshdi Ismail, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM).

Dalam pada itu, Mohd. Roshdi berkata, JAS telah mengambil sampel air Sungai Ketil untuk tindakan serta kajian lanjut bagi mengatasi pencemaran sungai daripada terus merebak.

Terdahulu, ribuan bangkai ikan pernah ditemukan terapung di permukaan Sungai Ketil, dekat Taman Rekreasi Rimba Wangi dipercayai akibat pencemaran bahan sisa buangan kilang pada 2021.

Pada tahun lalu, lebih 2,000 penduduk di sekitar Taman Wangi berdepan masalah pencemaran yang sama apabila Sungai Ketil sering bertukar menjadi warna hitam.